

PENGGUNAAN LAGU TANYA SAMA POKOK: TOPIK PERANAN PEMERINTAH DAN RAKYAT SEJARAH SEKOLAH MENENGAH

MUHAMMAD WAFI BIN OTHMAN
Maahad Tahfiz Darul Ulum Al-Basriyah

ABSTRAK

Mata pelajaran Sejarah merupakan salah satu pelajaran wajib lulus di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bermula tahun 2013. Salah satu kaedah yang digunakan dalam pembelajaran adalah didik hibur. Hal ini untuk menarik minat pelajar disamping memudahkan pelajar untuk menguasai fakta. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan melihat perbezaan sebelum dan selepas pelaksanaan penggunaan “Kaedah Lagu Tanya Sama Pokok” yang melibatkan bab 1 yang berkaitan warisan negara bangsa, sub topik 1.4: Peranan Pemerintah dan Rakyat, mata pelajaran Sejarah Tingkatan 4 yang dijalankan ke atas pelajar tingkatan 5 di Maahad Tahfiz Darul Ulum Al-Basriyah. Kajian ini menggunakan kajian kualitatif berbentuk kaedah temubual. Responden kajian terdiri daripada lapan orang pelajar yang dikenalpasti yang lemah dalam bab ini. Dapatan kajian mendapati bahawa “Kaedah Lagu Tanya Sama Pokok” sangat membantu pelajar dalam menguasai bab 1 tingkatan 4.

Kata Kunci: Didik Hibur, Sejarah, Sekolah Menengah, Pelajar

PENGENALAN

Sebagai seorang guru mata pelajaran Sejarah di sekolah menengah, penyelidik telah mendapati seramai lapan orang pelajar penyelidik daripada kelas Tingkatan 5 yang merupakan pelajar lemah tidak dapat menjawab dan menjawab dengan kurang tepat latihan yang diberikan terutama sekali soalan yang berkaitan bab Warisan Negara Bangsa subtopik Peranan Pemerintah dan Rakyat dalam Kesultanan Melayu Melaka. Apabila penyelidik bertanya kepada pelajar tersebut berkenaan bahagian atau topik mengelirukan dan tidak boleh dijawab, mereka menyatakan bahawa mereka mengalami kesukaran pada topik ini. Jawapan yang diberikan oleh pelajar ini membuatkan penyelidik terfikir untuk mencari satu teknik penerangan yang ringkas dan mudah serta menarik untuk pelajar penyelidik.

Penyelidik juga ada meminta pendapat dengan guru-guru lain memandangkan hanya penyelidik di antara guru yang mengajar Sejarah tingkatan 5. Mereka mencadangkan pelajar ini perlu diberi banyak latihan. Penyelidik berpendapat mungkin penerangan penyelidik tidak difahami oleh pelajar. Oleh itu, penyelidik perlu memikirkan satu teknik penerangan yang lebih ringkas, mudah dan berinovatif untuk mengelakkan masalah ini berlanjutan dan menjejaskan pencapaian pelajar. Fokus kajian ini ialah untuk menyelesaikan masalah pelajar yang lemah dan didapati gagal menjawab soalan berkenaan fungsi pemerintah dan rakyat dengan

menggunakan pendekatan lagu Tanya Sama Pokok terhadap lapan orang murid tingkatan 5 di Maahad Tahfiz Darul Ulum al-Basriyah, Kuantan. Penggunaan kaedah ini akan membantu pelajar untuk menguasai kandungan ini, dapat mengingat dalam tempoh yang panjang dan dapat menjawab soalan yang diberikan dengan betul dan penuh minat.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum bagi kajian ini adalah dapat meningkatkan penguasaan murid dalam Sejarah. Objektif utama kajian yang di jalankan ini adalah untuk:

- i Murid dapat menghuraikan peranan dan fungsi Pemerintah dan Rakyat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.
- ii Mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang ceria dan menyeronokkan serta didik hibur.

METODOLOGI

Kumpulan sasaran penyelidik terdiri daripada lapan orang pelajar yang didapati mempunyai masalah dalam menghuraikan peranan raja atau pemerintah dan rakyat dalam Kesultanan Melayu Melaka. Satu tinjauan dilakukan terhadap masalah agar dapat mengenal pasti kelemahan mereka. Langkah pembetulan hanya dilakukan berdasarkan tinjauan yang dijalankan terhadap mereka berdasarkan kepada beberapa cara berikut:

i Semakan buku latihan

Semakan buku latihan digunakan bagi mengesan kelemahan murid. Kelemahan murid jelas dapat dilihat berdasarkan jawapan dan hasil kerja yang telah dilaksanakan murid iaitu tidak dapat membezakan pemerintah dan rakyat.

ii Pemerhatian

Penyelidik telah menggunakan kaedah pemerhatian dalam kajian ini. Pemerhatian ini telah dibuat semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah, melalui respon kepada soalan-soalan yang diajukan, latihan bertulis dan ujian pra.

iii Temu Bual

Kaedah lain yang penyelidik gunakan ialah melalui temubual yang mana ia dilakukan secara tidak formal terhadap pelajar kumpulan sasaran. Temu bual ini secara tidak langsung dapat mengenali punca sebenar murid tidak dapat menguasai kemahiran mengingat dan memadan.

iv Ujian Pra

Ujian Pra dijalankan untuk menguji tahap sebenar kefahaman murid dalam menghuraikan peranan pemerintah dan rakyat dalam kesultanan Melayu Melaka. Ujian Pra dijalankan sebelum sesi bimbingan bermula. Soalan ujian pra terdiri daripada sepuluh soalan objektif pelbagai bentuk (OPB) dan pelajar dikehendaki menjawab di atas kertas ujian tersebut. Tempoh

masa menjawab adalah 10 minit. Jadual 2 menerangkan bilangan jawapan yang betul diperolehi oleh pelajar selepas menjawab Ujian Pra.

v Ujian Pos

Ujian pos telah dijalankan setelah pelajar di bimbing dan di ajar dengan menggunakan kaedah didik hibur dan disokong oleh penggunaan ict. Sebanyak 10 soalan berbentuk OPB telah diberikan kepada pelajar dan mereka dikehendaki menjawab dalam masa 10 - 15 minit.

Setelah penyelidik mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid, penyelidik bercadang untuk menukar kaedah penerangan kepada penerangan yang lebih baik iaitu menggunakan teknik didik hibur. Selepas itu penyelidik akan memberi ujian pos kepada pelajar terlibat bagi melihat peningkatan kefahaman pelajar dan penguasaan fakta mengenai bab yang telah dipelajari. Sepertimana sedia maklum, untuk memanfaatkan kemudahan ICT dan menyambut baik saranan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dalam merealisasikan PPPM Gelombang kedua, iaitu memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia. Bagi menyahut seruan itu, pelaksanaan intervensi kepada pelajar yang mengalami masalah dalam subjek sejarah dijalankan. Di antara usaha itu ialah dengan menggunakan aplikasi di sesawang <https://www.youtube.com/watch?v=5WHP3k9mdnA>. Kandungan yang dimasukkan ke dalam aplikasi ini akan memudahkan sebarang bentuk gambar, video dan paparan. Selain itu, terdapat juga aplikasi yang digunakan bagi mengalih suara sebenar. Aplikasi yang digunakan ialah Vocal Remover. <https://vocalremover.org>. Aplikasi ini digunakan untuk mengalih suara penyanyi lagu Tanya sama Pokok dan meninggalkan irama dan melodi sahaja.

Secara dasarnya kaedah didik hibur dengan pendekatan lagu sering digunakan dalam proses pembelajaran pada abad ke-21. Kaedah merupakan pendekatan dalam menerapkan budaya inovasi dalam pengajaran yang mampu menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) menjadi lebih interaktif serta dapat meningkatkan kualiti pendidikan negara. Justeru mengambil fokus kaedah didik hibur “pendekatan lagu” dalam pendidikan memberikan nafas baru yang boleh digunakan secara bermanfaat antara pendidik dan pelajar. Kaedah ini juga boleh digunakan sebagai pilihan atau pelengkap kepada kaedah pengajaran untuk mencapai matlamat pengajaran atau pendidikan (Cankaya & Karamate, 2009).

Penerangan kaedah didik hibur dalam sub topik peranan Raja dan Pembesar

Penggunaan pendekatan lagu “Tanya Sama Pokok” yang dijalankan secara inovasi dengan menggunakan video peranan raja dan pembesar dari laman sesawang Youtube.

Jadual 1: Langkah-langkah pelaksanaan aktiviti didik hiburan bagi subtopik peranan Raja dan Pembesar dalam Kesultanan Melayu Melaka

Langkah	Aktiviti	Tindakan
Langkah 1	Penerangan video peranan Pemerintah dan rakyat	Guru dan pelajar
Langka 2	Penghasilan lirik	Guru
Langkah 3	Penggunaan aplikasi vocalremover	Guru
Langkah 4	Simulasi menyanyikan lagu	Guru dan Pelajar

Penerangan Video peranan pemerintah dan rakyat

Dalam langkah ini, guru akan memaparkan klip video “Tanya Sama Pokok” yang liriknya mengandungi isi pembelajaran bagi tajuk yang difokuskan. Di samping itu, pelajar dapat menghayati setiap bait-bait liriknya dan memahami rentak dan irama sesuai dengan tempo lagu. Lagu yang sangat mudah ini telah membuatkan pelajar tertarik untuk menyanyikan lagu tersebut.

Penghasilan lirik

Lirik lagu dihasilkan mengikut fakta yang ada dalam buku teks Sejarah KSSM Tingkatan 4 Bab 1 Warisan Negara Bangsa subtopik 1.4 Peranan Pemerintah dan Rakyat. Kesemua fakta penting dimuatkan dalam lirik tersebut.

Penggunaan aplikasi vocalremover

Aplikasi ini digunakan untuk menghilangkan suara bagai lagu asal supaya lagu “Tanya Sama Pokok” itu hanya kedengaran melodi dan irama sahaja. Ketiadaan suara asal lagu tersebut memudahkan pelajar dan guru untuk menyanyikan lirik lagu yang telah digubal bersesuaian dengan peranan pemerintah dan raja.

Simulasi menyanyikan lagu tanya sama pokok

Setelah gubahan lirik lagu dan irama selesai guru akan membuat simulasi dengan menyanyikan lagu “Tanya Sama Pokok” mengikut lirik yang baharu dan pelajar akan cuba mengikuti bersama. Setelah pelaksanaan simulasi dilakukan sebanyak tiga kali, pelajar sudah boleh menyanyikan lagu tersebut dengan baik mengikut irama dan melodi yang ditetapkan.

DAPATAN KAJIAN


Hasil dapatan daripada tinjauan masalah semasa ujian pra yang telah dilakukan, penyelidik mendapati pelajar sasaran sememangnya kurang mahir untuk membuat analisis peranan Pemerintah dan rakyat. Sebahagian daripada mereka juga tidak memahami perbezaan sistem serah dan sistem kerah. Daripada latihan yang diberikan terdapat pelajar yang hanya

memperoleh jawapan yang betul sebanyak 2/10 sahaja. Walaubagaimanapun keseluruhan pelajar masih meminati mata pelajaran Sejarah. Penyelidik amat gembira melihat dapatan ini dan mendorong penyelidik untuk terus membantu mereka memahami dan menguasai kemahiran ini.

Jadual 2: Bilangan jawapan yang betul


Keputusan hasil ujian Peranan Pemerintah dan Rakyat	
Pelajar	Bil jawapan yang betul
8	2/10
7	2/10
6	3/10
5	4/10
4	5/10
3	6/10
2	5/10
1	4/10

Ujian pos yang dijalankan oleh penyelidik dengan menggunakan soalan yang sama dengan ujian pra menunjukkan dapatan seperti berikut:



Rajah 1: Pencapaian pelajar dalam ujian pos

Berdasarkan keputusan ujian pos yang telah dijalankan ke atas pelajar sasaran, tindakan intervensi telah berjaya menyelesaikan fokus kajian iaitu membantu meningkatkan penguasaan 8 orang pelajar dalam menganalisis peranan pemerintah dan rakyat Kesultanan Melayu Melaka dengan tepat dan betul.



Rajah 1: Perbandingan pencapaian antara ujian pra dan ujian pos

KESIMPULAN

Berdasarkan daripada kajian ini, penyelidik mencadangkan untuk menggunakan kaedah mudah untuk mengingat dan mengenalpasti demokrasi berparlimen berdasarkan gambar dan mengetahui fungsinya dengan baik. Sasaran kajian pada kali ini adalah pelajar tingkatan 5 juga. Kajian ini akan dilaksanakan kerana semasa kelas pengajaran dan pembelajaran penyelidik kerana mendapati beberapa orang pelajar masih belum dapat mengingat ciri-ciri demokrasi berparlimen. Penyelidik berharap dengan usaha penambahbaikan ini akan dapat memupuk semangat pelajar untuk mempelajari subjek Sejarah